

Harga saham jatuh bukan dirancang — PM

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejatuhan harga saham baru-baru ini bukan dirancang kerajaan untuk mencari sumber kewangan membiayai kos pilihanraya Negeri Sabah.

Beliau memberitahu, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menggunakan kaedah seperti itu untuk mencari sumber kewangan.

“Kejatuhan harga saham bukan untuk membiayai perbelanjaan kewangan pilihanraya Sabah. Kita tidak pernah melakukan perkara seumpama itu.

“Sekiranya boleh, lebih baik rakyat memberikan derma untuk tujuan itu,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Dua Tahun Sekali Saintis Persatuan Asia Pasifik Mengenai Kajian Penyakit Hati Ke-9 di sini, hari ini.

Khabar angin

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengawal tindakan memanipulasikan pasaran saham tempatan.

Dr. Mahathir memberitahu, buat masa sekarang kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan terhadap perkembangan tersebut.

Sebaliknya, kata beliau, para pelabur seharusnya melakukan pelaburan berdasarkan pada pencapaian sesebuah syarikat tanpa bergantung kepada khabar angin semata-mata.

Menurut beliau, kebanyakan pelabur terjejas kerana mereka melibatkan diri dalam perniagaan pasaran saham kerana khabar-khabar angin.

“Mereka terjejas kerana khabar-khabar angin berbanding dengan pencapaian

an syarikat-syarikat berkenaan... sekiranya melihat pada syarikat-syarikat tempatan, ia berjalan dengan sangat baik.

“Orang ramai berminat untuk melabur kerana khabar-khabar angin, kadang kala berdasarkan kedudukan pada negara-negara lain,” katanya.

Oleh itu, Dr. Mahathir berkata, beliau berpendapat sekiranya rakyat tempatan melabur dengan cermat, pasaran saham pasti berada dalam keadaan stabil dan tidak mengalami kerugian.

“Kalau melabur berdasarkan pada pencapaian syarikat, pasaran tidak jatuh menjunam atau rugi kerana kenyataan oleh seseorang,” katanya.

Tambah beliau, beberapa syarikat di negara ini menunjukkan prestasi dan pencapaian yang lebih baik berbanding

Harga saham jatuh bukan dirancang — PM

28 JAN 1994
dengan syarikat-syarikat lain di luar negara.

Sebagai contoh kata beliau, Maybank Berhad (MBB) telah memperolehi keuntungan kasar sebanyak kira-kira RM500 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun lalu.

Kata beliau, jumlah itu adalah sama dengan jumlah keuntungan salah sebuah syarikat di Amerika Syarikat yang mempunyai modal yang besar daripada MBB.

Beliau seterusnya memberitahu, kerajaan juga tidak berhasrat untuk menjadikan rakyat negara miskin atau mufliis ekoran kejatuhan harga saham.

“Kita tidak berhasrat untuk menjadikan rakyat mufliis atau miskin... kerana ia akan membawa kesan kepada negara.” katanya.